

21 OCT 2000

Mahathir-Asem

ASEM: BANYAK PERKARA PERLU DILAKUKAN, KATA MAHATHIR

Oleh: E. Sivabalan

SEOUL, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan perjalanan Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) ketiga, tetapi beliau berpendapat perlu ada had terhadap perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat akan datang.

"Mesyuarat yang baik. Tidak banyak kontroversi berkaitan isu," katanya kepada pemberita Malaysia sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada hari terakhir mesyuarat dua hari Asem di sini.

Sidang kemuncak itu dihadiri oleh 26 rakan kongsi Asem, 10 dari Asia Barat dan 15 dari Eropah dan juga Presiden Suruhanjaya Eropah (EC).

Peserta dari Asia terdiri daripada tujuh anggota Asean - Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Rakan kongsi lain dari Asia ialah China, Jepun dan Korea Selatan.

Peserta dari Eropah - Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Ireland, Itali, Luxemburg, Netherlands, Portugal, Sepanyol, Sweden, Britain dan EC.

Dr Mahathir berkata para pemimpin yang menghadiri mesyuarat itu memberikan sokongan kepada inisiatif Presiden Korea Selatan Dae-jung untuk mewujudkan keamanan dengan Korea Utara, Dr Mahathir mahu Dae-jung meneruskan usahanya itu bagi mewujudkan keamanan di Semenanjung Korea.

Bagaimanapun, terdapat pendapat bahawa masa tidak mencukupi bagi para pemimpin untuk bercakap berkaitan pelbagai isu di sidang kemuncak itu, katanya.

"Terdapat cadangan hanya beberapa perkara sahaja dibincangkan bagi memberi banyak masa diberikan terhadap sesuatu perkara yang dibincangkan, kerana setiap pemimpin hanya diberikan tiga minit untuk berucap," katanya.

Ditanya apakah perkara khusus yang dibincangkan, Dr Mahathir berkata ia berkaitan dengan perbincangan pelbagai hala dan globalisasi Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Ditanya apakah yang beliau timbulkan dalam ucapan beliau selama tiga minit itu, Dr Mahathir berkata beliau menyentuh tentang akitektur kewangan antarabangsa, globalisasi dan hubungan antara Asia dan Eropah.

Beliau berkata sepatutnya ada lebih banyak delegasi perdagangan dan pelaburan dan program pertukaran pendidikan antara kedua-dua rantau itu.

Ketika ditanya pendapat beliau mengenai masa depan Asem, Dr Mahathir berkata Asem perlu meningkatkan kegiatannya.

"Kita mesti ada lebih banyak 'kandungan', interaksi antara Asia dan Eropah seperti mengadakan seminar, untuk membolehkan lebih ramai penuntut dari Eropah di Malaysia dan di negara-negara Asia yang lain," katanya.

Katanya, pertukaran pelajar antara negara-negara Asia dan Eropah, khususnya pelajar Eropah ke negara-negara Asia akan memberi peluang kepada mereka untuk bercampur gaul dan berinteraksi dengan masyarakat Asia dan memahami budaya mereka.

"Kini, cuma orang Asia sahaja yang pergi belajar ke Eropah yang mana mereka bercampur gaul dengan orang-orang sana dan memahami budaya mereka. "Kalau kita nak lihat perhubungan yang lebih bermakna, kefahaman tentang masing-masing, perlunya penuntut-penuntut dari Eropah belajar di universiti-universiti di Asia," kata Perdana Menteri.

Mereka bukan sahaja perlu belajar tentang Asia tetapi juga disiplin-disiplin lain yang mana kita tahu taraf atau standard kita sama sahaja dengan Eropah, katanya.

"Ini penting kalau kita nak adakan hubungan yang bermakna, kalau tidak, ia satu hala sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata para pemimpin tidak membincangkan keanggotaan baru dalam Asem.

"Tetapi kita bersetuju berkaitan asas keanggotaan baru dan satu

daripadanya ialah mesti ada persetujuan bersama sebelum sesuatu anggota baru diterima," katanya.

Berkaitan hubungan Malaysia dengan Korea Utara, Dr Mahathir berkata "Kita sentiasa mempunyai hubungan dengan Korea Utara."

Beliau berkata Kuala Lumpur sentiasa berharap kepada penyelesaian aman di Semenanjung Korea.

"Tetapi sama ada ini mengambil bentuk kesatuan atau bentuk kerjasama lain ia terpulang kepada rakyat Korea untuk memutuskannya," katanya.

Perdana Menteri menyelar akhbar International Herald Tribune berkaitan laporan negatifnya tentang rundingan keamanan di Semenanjung Korea.

Beliau berkata rundingan antara Korea Selatan dan Korea Utara berjalan lancar sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar Korea Selatan.

Akhbar The Herald Tribune melaporkan hari ini timbul perbalahan dalam rundingan itu, apabila Presiden Perancis Jacques Chirac yang menghadiri sidang Asem di sini nampaknya mencela keputusan yang diumumkan di sini oleh Britain dan Jerman untuk menubuhkan hubungan diplomatik dengan Korea Utara."

--BERNAMA

ES ZS RI